



YB MENTERI KEWANGAN MALAYSIA

UCAPAN ALUAN

MAJLIS PELANCARAN SUKUK PRIHATIN



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Menghadap ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah.
2. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun.
3. Patik bagi pihak Kementerian Kewangan merafak sembah dan menjunjung kasih atas perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku, berangkat bercemar duli Ke Majlis Pelancaran Sukuk Prihatin bertempat di Kementerian Kewangan pada hari Ini.
4. Sesungguhnya, keberangkatan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku menjadikan majlis ini amat istimewa dan lebih bermakna bagi patik-patik sekalian. Sebagai seorang Raja yang berjiwa rakyat, Tuanku sentiasa memberi sokongan penuh kepada usaha Kerajaan untuk membantu rakyat dan ekonomi negara dalam menghadapi krisis COVID-19. Malah, Tuanku sendiri telah banyak memberi sumbangan peribadi untuk membantu rakyat yang terkesan oleh COVID-19 ini.
5. Ampun Tuanku, seterusnya patik mohon limpah perkenan ke bawah Duli Tuanku untuk patik mengalu-alukan kehadiran tetamu yang lain dan seterusnya meneruskan ucapan patik. Ampun tuanku.
 - Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia
 - Yang Berbahagia Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara;
 - Yang Berhormat Tuan Mohd Shahr bin Abdullah, Timbalan Menteri Kewangan 2;

- Yang Berbahagia Dato' Asri bin Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan;
- Yang Berbahagia Datuk Nor Shamsiah binti Mohd Yunus, Gabenor Bank Negara Malaysia
- Yang Berbahagia Tan Sri, Dato' Seri, Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, Warga kerja Kementerian Kewangan, Wakil Pihak Bank dan hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia, kerana meluangkan masa untuk bersama menjayakan majlis ini.

7. Saya juga ingin berkongsi bahawa semasa YAB Tan Sri menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri, beliau juga ada melancarkan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*Socially Responsible Investment*) yang pertama di dunia bernilai RM100 juta, iaitu pada tahun 2015.

8. Sukuk SRI itu telah diterbitkan oleh sebuah syarikat di bawah Khazanah Nasional. Alhamdulillah, sokongan berterusan daripada YAB Perdana Menteri ini sangat menggalakkan, terutamanya kepada pembangunan sukuk SRI di Malaysia.

Para hadirin sekalian,

9. Sepertimana yang diketahui umum, Kerajaan telah menyediakan pakej-pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA – yang kesemuanya berjumlah RM295 bilion – bagi melindungi dan memperkasakan rakyat, menyokong dan melonjakkan perniagaan serta memperkukuhkan ekonomi. Pakej-pakej ini juga merangkumi suntikan fiskal sebanyak RM45 bilion dari Kerajaan.

10. Sukacita saya kongsi bahawa setakat ini, antara penerima langsung bantuan kewangan dari Kerajaan untuk meringankan beban rakyat dan para usahawan termasuklah:

- a. 10.6 juta penerima Bantuan Prihatin Nasional, di dalam golongan B40 dan M40, yang telah mendapat bantuan sejumlah RM11.1 bilion;
- b. 321 ribu majikan dan 2.6 juta pekerja yang telah mendapat manfaat subsidi upah bernilai RM7.8 bilion; dan
- c. Seramai 545 ribu usahawan mikro yang telah menerima Geran Khas Prihatin dengan nilai keseluruhan RM1.6 bilion.

11. Banyak lagi langkah-langkah lain yang telah dilaksanakan. Alhamdulillah, setakat ini, pelan-pelan ini telah berjaya menyelamatkan hampir 2.8 juta pekerjaan dan memanfaatkan 800,000 perniagaan.

12. Salah satu langkah yang telah memanfaatkan rakyat dan perniagaan juga adalah moratorium bayaran balik pinjaman dari sektor perbankan, yang setakat ini bernilai RM66.6 bilion. Kepada wakil-wakil dari pelbagai bank yang hadir pada hariini, sekali lagi Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih atas keperihatinan anda semua.

13. Hari ini, sektor perbankan telah sekali lagi bersatu hati dalam menawarkan manfaat kepada rakyat dan pihak korporat, iaitu dari segi kemudahan melanggan kepada terbitan sukuk oleh Kerajaan. Sukuk ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 5 Jun lalu. Di dalam strategi 6R Kerajaan yang merangkumi 6 pendekatan iaitu (1) *Resolve*; (2) *Resilience*; (3) *Restart*; (4) *Recovery*; (5) *Revitalise* dan (6) *Reform*, hasil penerbitan sukuk ini akan digunakan untuk langkah "Pemulihan" atau *Recovery*, iaitu pendekatan yang keempat.

14. Sukuk ini diharapkan dapat membantu usaha menjamin kesejahteraan hidup pihak berkepentingan yang disasarkan. Terbitan sukuk patuh syariah ini adalah hasil permintaan dari pelbagai pihak untuk turut sama membantu di dalam usaha pemulihan negara kita yang tercinta.

Para hadirin sekalian,

15. Ini adalah penerbitan sukuk yang pertama oleh Kerajaan yang boleh dilanggi atau dibeli seratus peratus melalui perkhidmatan perbankan digital, menggunakan kemudahan *JomPAY* dan *DuitNow*. Jumlah minima bagi pelaburan pertama ialah RM500, dan kadar keuntungan adalah 2% setahun, selama dua tahun.

16. Ini merupakan satu kadar yang kompetitif memandangkan ianya ditetapkan selama 2 tahun. Keuntungan akan dikreditkan ke dalam akaun pelabur setiap suku tahun. Dalam masa 2 tahun, pelabur boleh memilih untuk menderma jumlah langganan kepada Kumpulan Wang Covid-19, dan jumlah ini akan diberi potongan cukai.

17. InsyaAllah, dengan penerbitan Sukuk ini dan juga sokongan rakyat yang berjiwa patriotik dan bersemangat nasionalisme, Malaysia akan segera pulih dan kemakmuran akan terus dikecapi bersama.

18. Sehubungan itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bank Negara Malaysia, Paynet dan institusi perbankan yang turut serta sebagai pengedar, khususnya Maybank yang juga merupakan bank pengedar utama bagi sukuk ini. Sekalung budi juga kepada warga MOF yang telah menjayakan majlis ini.

Ampun Tuanku,

19. Demikianlah sahaja persembahan ucapan patik pada hari ini, patik sekali lagi merafak sembah, menjunjung setinggi-tinggi kasih atas perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berangkat ke majlis kami. Patik juga mendoakan agar ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wataala dan dikurniakan kesihatan yang baik serta memerintah negara Malaysia dengan sempurna dan sejahtera.

20. Sejuta penghargaan sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin kerana telah meluangkan masa untuk merasmikan pelancaran Sukuk ini.

21. Sebelum mengakhiri ucapan ini, terimalah dua rangkap pantun dari saya. Rangkap yang pertama adalah khas untuk ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku:

*Sekali bah, pasir berubah
Tetap teguh, serumpun buluh
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah menyusun jari sepuluh*

*Laksamana gagah di atas pentas;
Berat pun batu, mudah dijulang,
Manfaat Sukuk seperti emas,
Bakal dicari semua orang.*

22. Ampun Tuanku. Patik-patik sekalian menjunjung kasih, Tuanku.

23. Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh. Terima kasih.